

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

**Berita Harian, Malaysia**

16 Jul 2014, by Shahrizan Salian

Business & Finance, page 1 - 488.00 cm²Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 160,597
(MTWTF)

ID 285119104

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 2

MSM

TUBUH ANAK SYARIKAT PERDAGANGAN DAN PENGHANTARAN SEWA KHAS

» Sasar antara tiga pengeluar gula terbesar dunia menjelang 2020

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Pengeluar gula utama tempatan, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), akan menubuhkan sebuah anak syarikat perdagangan dan penghantaran sewa khas sebelum akhir tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Sheikh Awab Sheik Abod, (**gambar**), berkata rancangan penubuhan unit baharu itu bagi membolehkan kumpulan mendapatkan kawalan lebih menyeluruh terhadap operasi perniagaannya.

Selain itu, katanya, penubuhan anak syarikat perdagangan yang dijanjikan ditubuhkan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) itu juga mempercepatkan sasaran MSM untuk menjadi antara tiga pengeluar gula terbesar dunia menjelang tahun 2020.

"Kami berharap dapat menubuh-

kan anak syarikat baharu ini sebaik saja lembaga pengarah kumpulan memberikan 'lampa hijau,' katanya dalam satu temubual bersama *BH* dan *Business Times* di Kuala Lumpur, awal minggu ini.

MSM ketika ini mendapatkan bekalan gula mentah dari beberapa negara antaranya Brazil, Australia, Thailand dan India.

Mahu kawalan penuh dalam perniagaan

Sebaik saja ia membeli gula mentah dalam pasaran spot atau pasaran hadapan, seluruh industri dapat mengetahui lokasi bahan mentah itu dikeluarkan, bila gula mentah akan dihantar dan akan tiba, malah dalam sesetengah kes harga gula juga dapat dikenal pasti.

Kedudukan itu menyebabkan MSM tidak mempunyai kawalan penuh ke atas perniagaannya dan mewujudkan keperluan kepadanya untuk menubuhkan unit perdagangan sendiri.

Sheikh Awab berkata, bagi mengukuhkan lagi perniagaan perdagangannya itu, kumpulan kini sedang berunding untuk mengemukakan cadangan bagi mengambil alih atau membentuk syarikat usaha sama (JV) dengan beberapa pengeluar gula antarabangsa. © **Bisnes B2**



Tinjau peluang usaha sama syarikat antarabangsa

● Dari muka B1

Rundingan itu, antara lain katanya, membabitkan dua pengeluar gula berpangkalan di Eropah yang masing-masing mempunyai kapasiti pengeluaran tujuh juta tan dan 4.5 juta tan. “MSM mahu mengendalikan sendiri perniagaan perdagangan. Kami tidak akan mengembangkan perniagaan ini secara organik, sebaliknya perlu terus meninjau peluang untuk mengambil alih atau membentuk pakatan kerana itulah cara paling pantas untuk syarikat mencatatkan pertumbuhan dan mencapai sasaran menjadi antara pengeluar terbesar di dunia,” katanya.

Kapasiti pengeluaran

Pada masa ini, MSM mempunyai kapasiti pengeluaran antara 1.1 juta hingga 1.2 juta tan yang akan ditingkatkan kepada 3.25 juta tan menjelang tahun 2016. Pengeluar gula terbesar di dunia ketika ini pula mempunyai kapasiti pengeluaran mencecah 14.8 juta tan.

Sheikh Awab berkata, pilihan utama MSM ketika ini ialah untuk mengambil alih sebuah daripada pengeluar gula Eropah yang mempunyai kapasiti pengeluaran tujuh juta tan kerana firma itu juga mempunyai kehadiran di pasaran Asia.

“Jika digabungkan kapasiti semasa syarikat Eropah itu (tujuh juta tan) bersama kapasitinya di Asia (1.8 juta tan) dan kapasiti MSM di Malaysia (3.25 juta tan), maka ia akan membentuk antara tiga pengeluar gula terbesar di dunia,” katanya sambil menambah syarikat perdagangan itu akan menjalankan urus niaga secara fizikal serta dalam pasaran hadapan.